

Soalan No:43

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD  
[SHAH ALAM]****TARIKH : 6.11.2017****SOALAN :**

**Tuan Khalid Bin Abd Samad [Shah Alam]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian akan membenarkan ahli-ahli politik pembangkang berkempen dan merasmikan program-program di sekolah di bawah kelolaan Kementerian memandangkan Menteri Wilayah Persekutuan dengan jelas berkempen di hadapan guru-guru dan pelajar di Putrajaya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempunyai prosedur standard bagi penyertaan guru dan murid dalam program anjuran agensi kerajaan termasuk kerajaan negeri, kehadiran orang kenamaan atau individu tertentu ke sekolah dan penggunaan premis atau kemudahan sekolah oleh pihak luar. Semua aktiviti tersebut memerlukan pihak berkenaan memohon kebenaran daripada KPM melalui Pengarah Pendidikan Negeri untuk memastikan keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan warga sekolah serta menjamin keselamatan harta benda sekolah.

81

KPM juga sentiasa memastikan semua penjawat awam warga pendidikan memberi taat setia yang tidak berbelah bagi pada setiap masa dan ketika kepada Yang di-Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan yang memerintah sebagaimana yang tercatat dalam Peraturan 4(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/1999 telah menegaskan bahawa semua kakitangan dan pegawai perkhidmatan pendidikan dilarang terlibat dalam aktiviti anti-kerajaan.

KPM juga memperuntukkan kuasa kepada Pengarah Pendidikan Negeri untuk mempertimbangkan dan meluluskan permohonan menjemput orang kenamaan ke sekolah. Perkara ini telah dimaklumkan melalui pematuhan kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/2008; Mengundang Orang Kenamaan ke Upacara Sekolah dan Penggunaan Premis Sekolah oleh Pihak Luar.